



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN/ ONLINE**

NAMA KURSUS : PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJA

KOD KURSUS : DSM3183

PEPERIKSAAN : DISEMBER 2021

MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **SATU (1)** bahagian. BAHAGIAN A (100 Markah)
2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini
3. Jawab SEMUA soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
4. Tulis butiran anda sepertimana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
 - i. Nama Penuh Pelajar
 - ii. No. Kad Pengenalan
 - iii. Seksyen Kelas
 - iv. Kod Kursus
 - v. Nama Kursus
 - vi. Nama Pensyarah
5. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
6. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.


JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **5** HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan.

SOALAN 1



Statistik 1

- a. Pada tahun 2005, sebanyak 51,829 kemalangan industri dilaporkan. Analisis menunjukkan berlaku 6.93 peratus kemalangan maut bagi setiap 100,000 pekerja dan 5.16 peratus kemalangan bagi setiap 1,000 pekerja. Pada tahun 2015, bilangan kemalangan menurun kepada 38,753 kes manakala kadar kemalangan maut bagi setiap 100,000 pekerja pula menurun kepada 4.84 peratus dan kadar kemalangan bagi setiap 1,000 menurun kepada 2.81 peratus. Dalam usaha melangkah ke hadapan setanding dengan negara-negara maju lain, kadar kemalangan dan kematian ini perlulah diturunkan lagi. Berdasarkan **Statistik 1** di atas, huraikan **tiga (3)** faktor yang menyumbang kepada penurunan kes kemalangan industri dari tahun 2018 hingga 2020.

(6 markah)

- b. Anda merupakan seorang Pengurus Sumber Manusia di sebuah syarikat di Johor Bahru. Anda telah menerima laporan daripada salah seorang pekerja wanita yang menyatakan bahawa beberapa orang rakan sekerja lelaki yang lebih tua asyik memberitahu bahawa beliau mempunyai bibir yang cantik.

Apakah tindakan yang sewajarnya perlu anda lakukan untuk menangani masalah ini agar tidak berlanjutan dan boleh menjejaskan keharmonian dalam kalangan pekerja.

(10 markah)

SOALAN 2

- a. Pelan induk keselamatan dan kesihatan pekerja 2016-2020 merupakan strategi yang dirangka bagi mencapai wawasan 2020. Pada pendapat anda, apakah peranan kerajaan untuk memastikan tahap keselamatan dan kesihatan pekerja di Malaysia berada pada tahap yang memuaskan?

(6 markah)

- b. Encik Jamal adalah seorang pembantu pegawai di Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja. Beliau bertanggungjawab membuat penyelidikan dan memberi taklimat tentang bahayanya "hazard" kepada semua pekerja. Sediakan **lima (5)** maklumat penting berkaitan bahayanya "hazard" yang boleh dikongsikan oleh Encik Jamal kepada semua pekerja.

(10 markah)

SOALAN 3

- a. Terangkan prinsip amalan 5S yang boleh diterapkan di tempat kerja agar selesa, kemas dan selamat.

(10 markah)

- b. Anda bertugas sebagai Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (OSH) di Syarikat Maju Padu Sdn. Bhd. Anda bertanggungjawab memastikan keselamatan pekerja berada pada tahap yang terbaik. Hasil pemantauan mendapati 80% pemahaman pekerja terhadap kepentingan keselamatan di dalam organisasi sangat tinggi. Sebagai pegawai yang bertanggungjawab, cadangkan **enam (6)** program yang boleh dilaksanakan untuk mengekalkan tahap kesedaran yang tinggi dalam kalangan pekerja.

(12 markah)

- c. Sebagai Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerja di sebuah Syarikat ABC anda perlu melaksanakan pelbagai program keselamatan serta melaksanakan pengurusan keselamatan dengan lebih cekap supaya kemalangan tidak berlaku. Nyatakan **enam (6)** perbezaan di antara program pengurusan keselamatan dengan program pengurusan kesihatan pekerja dalam sesebuah organisasi.

(12 markah)

SOALAN 4

- a. Seorang pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerja dalam syarikat bertanggungjawab memastikan sebarang kemalangan dan bencana yang berlaku di tempat kerja perlu dilaporkan kepada Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerja. Laporan hendaklah dibuat dengan serta-merta. Jelaskan **empat (4)** kemalangan yang sering berlaku di tempat kerja.

(10 markah)

- b. Apakah yang dimaksudkan dengan pengelasan kecemasan berserta contoh yang boleh berlaku di tempat kerja berdasarkan tahap kecemasan yang dialami.

(12 markah)

- c. Litar pintas boleh menjadi punca berlakunya kemalangan dan kecederaan di tempat kerja. Pada pendapat anda, bagaimanaka cara yang untuk menyelamatkan mangsa yang terkena renjatan elektrik.

(12 markah)

[100 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT